



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENOLONG PENERBIT TINGKAT II (D.1-2-3 EB.4-5)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PENOLONG PENERBIT TINGKAT II
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**


KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) BDTVEC / BTEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC 2) atau sebanding dalam bidang berikut atau bidang bersesuaian:

- Penyiaran
- Komunikasi Massa
- *Professional Communication and Media*
- *Media Production*
- *Tv and Film Production*
- *Television Production*
- *Media Production*
- *Media and Culture*
- *Media and Journalism*
- *Multimedia*
- Kewartawanan
- Ehwal Semasa
- Seni Kreatif
- *Public Affairs*
- Pengajian Brunei
- Sejarah
- Sastera
- Linguistik
- Usuluddin



ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU


- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 tidak kurang dari 6 tahun.
2. Bagi pengisian kekosongan jawatan di Bahagian Rancangan Radio, para pemohon adalah dimestikan lulus ujian kelayakan (*audition*) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.
 3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
 4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Mandarin dan bahasa-bahasa lain selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
 5. Mempunyai suara yang sesuai sebagai pengacara di radio adalah kelebihan.
 6. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
 7. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan dalam hal ehwal penerbitan rancangan, hal ehwal semasa dan hal ehwal media penyiaran.
 8. Mempunyai pengalaman yang luas dalam menerbitkan rancangan televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa sama ada secara siaran langsung ataupun rakaman adalah kelebihan.
 9. Mempunyai kebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa adalah kelebihan.
 10. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi, kreatif dan pro-aktif dalam hal ehwal penerbitan adalah kelebihan.
 11. Mempunyai daya usaha dan kreativiti yang tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar adalah kelebihan.



12. Berkeupayaan membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam proses penerbitan rancangan termasuk dalam suasana tegang adalah kelebihan.
13. Memahami konsep Negara Melayu Islam Beraja.
14. Mempunyai pengetahuan mengenai adat istiadat dan protokol Negara Brunei Darussalam.
15. Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Penerbit Tingkat I / Penerbit Tingkat II yang berkenaan dalam sama-sama menerbitkan rancangan yang telahpun dirancang sepanjang tahun tersebut;
2. Membuat skrip bagi rancangan-rancangan yang akan diterbitkan seperti yang diarahkan oleh ketua penerbit yang berkenaan;
3. Menghubungi artis-artis yang terlibat dalam rakaman rancangan-rancangan yang berkenaan;
4. Membuat tempahan atau menyediakan peralatan / kemudahan yang diperlukan oleh ketua penerbit yang berkenaan;
5. Bekerjasama dengan para penerbit dalam menjalankan tugas penerbitan bagi siaran televisyen / radio di studio, siaran luar dan lokasi rakaman luar;
6. Jika ditempatkan di Bahagian Rancangan Radio, Penolong Penerbit Tingkat II akan ditugaskan selaku penyampai rancangan dan menjalankan tugas-tugas *continuity* termasuk menerbitkan rancangan;
7. Berkebolehan dalam pengendalian Sistem *Winmedia* dan kerja-kerja penyuntingan menggunakan *Sound Forge* dan *Vegas*;
8. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan; dan
9. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian IV

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf



SIJIL-SIJIL (sepertimana kehendak skim) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	BGCE O LEVEL.pdf
	2016	2016	25/8/2016	NTC2.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Skill Certificate 2.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Skill Certificate 3.pdf



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “*Current Government Employee*”/”Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee +

Current Government Employee -

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office

Current Appointment

Starting Date

Ministry

Department

Job Title